



INTERNATIONAL YOUNG SCHOLARS JOURNAL OF LANGUAGES

Volume 8 (2) 2025

ANALISIS FEMINISME TERHADAP PERWATAKAN WANITA DALAM NOVEL WANITA RAWA TERAKHIR

Insyirah Ramlee¹, Nora'azian Nahar²

¹*Kuliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*

²*Jabatan Bahasa Melayu, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*

*E-mel pengarang koresponden: noraazian@iium.edu.my

ABSTRAK

Kewujudan sistem patriarki yang telah diamalkan sejak dahulu lagi telah menimbulkan satu persepsi negatif terhadap wanita. Kenyataan ini sering diuar-uarkan sehingga masyarakat menerima stereotaip bahawa wanita merupakan golongan yang lemah dan tidak berdaya saing. Kedudukan mereka tidak setanding dengan lelaki dan kaum wanita juga perlu menunduk terhadap kuasa dominan lelaki. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti watak dan perwatakan wanita dalam novel *Wanita Rawa Terakhir* dan melihat perwatakan tersebut dari sudut teori feminisme. Seterusnya penyelidik telah mengaplikasikan pendekatan kualitatif menggunakan kaedah analisis teks dalam naratif yang menunjukkan perwatakan wanita. Hasil dapatan menunjukkan bahawa stereotaip yang diletakkan kepada wanita sangat bertentangan dengan realiti. Dalam novel, watak wanita mempunyai nilai-nilai positif dalam perwatakan yang lebih berani, berdikari, dan mampu hidup tanpa bergantung kepada lelaki. Watak wanita juga mempunyai kebebasan dalam menentukan hala tuju mereka selari dengan empat aliran utama teori feminisme iaitu feminisme liberal, feminisme radikal, feminisme sosialis dan feminisme pascamoden. Implikasinya, kajian ini telah menjadi suatu wadah bagi membuka mata masyarakat terhadap realiti perwatakan-perwatakan wanita yang sering kali dianggap lemah. Justeru, karya sastera seperti ini perlu dibaca dan dianalisis dengan lebih teliti agar pembaca dapat memahami maksud tersirat yang terkandung dalam wacana gender yang disampaikan oleh pengarang.

Kata kunci : *Feminisme, novel, sistem patriarki, wanita, lelaki*

PENGENALAN

Wanita sering kali berdepan dengan pelbagai cabaran hidup, khususnya dalam masyarakat yang masih kuat berpegang kepada sistem patriarki. Sistem ini, seperti yang dijelaskan dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat (2015)*, merujuk kepada struktur sosial yang meletakkan lelaki sebagai pemegang kuasa utama dalam keluarga dan masyarakat. Kesan daripada sistem ini menyebabkan wanita sering dianggap lemah, kurang upaya membuat keputusan sendiri, serta dipinggirkan dari segi hak bersuara dan kebebasan bertindak (Mohd Rashid et al., 2022). Gambaran sedemikian bukan hanya dapat dilihat dalam kehidupan realiti, tetapi turut tercermin dalam pelbagai karya sastera. Dalam konteks kesusasteraan Melayu moden, wanita sering digambarkan sebagai individu yang tunduk kepada norma sosial dan adat patriarki. Namun begitu, perubahan zaman telah menyaksikan kemunculan watak-watak wanita yang lebih berdikari, tegas dan berdaya saing dalam karya kreatif. Seiring dengan kemajuan pendidikan dan kesedaran sosial, suara wanita semakin diberi ruang dalam wacana sastera sebagai agen perubahan sosial (Zainal & Fauziah, 2021).

Novel *Wanita Rawa Terakhir* merupakan antara karya yang menonjolkan transformasi peranan wanita dalam masyarakat tradisional. Novel ini mengetengahkan perjuangan wanita-wanita dalam komuniti Rawa yang berdepan dengan tekanan sosial dan budaya yang kuat mengangkat dominasi lelaki. Namun begitu, watak-watak wanita dalam novel ini digambarkan sebagai berani menyuarakan pendapat, mengambil keputusan sendiri, dan menolak ketundukan terhadap struktur patriarki (Hasan & Siti Nor Farah, 2023). Dalam kajian ini, teori feminisme digunakan sebagai kerangka analisis utama. Teori ini, khususnya aliran feminisme liberal dan feminisme radikal seperti yang dikemukakan oleh Ritzer (1996), memberikan kefahaman mendalam terhadap bagaimana perwatakan wanita dibentuk dan dicabar dalam masyarakat patriarki. Feminisme liberal menekankan hak individu, kebebasan dan kesamarataan peluang antara jantina, manakala feminisme radikal melihat sistem patriarki sebagai punca utama penindasan terhadap wanita dan menuntut perubahan struktur sosial secara menyeluruh (Amira & Rahim, 2020).

Melalui analisis feminisme, kajian ini akan meneliti bagaimana novel *Wanita Rawa Terakhir* memperlihatkan nilai-nilai positif dalam perwatakan wanita serta perjuangan mereka menuntut keadilan dan kesamarataan. Kajian ini juga menyokong pandangan bahawa karya sastera bukan sekadar wadah hiburan, malah menjadi wahana penting dalam mencerminkan kesedaran gender dan membina naratif alternatif terhadap kedudukan wanita dalam masyarakat. Oleh itu, kajian ini amat signifikan dalam mengetengahkan bagaimana sastera boleh dijadikan medium pendidikan sosial dan perubahan budaya. Novel *Wanita Rawa Terakhir* bukan sahaja memaparkan naratif seorang wanita, tetapi juga

menjadi simbol kepada kebangkitan, ketegasan dan kekuatan jati diri wanita dalam menghadapi norma masyarakat yang membataskan.

PENYATAAN MASALAH

Kajian terhadap perwatakan wanita dalam kesusasteraan Melayu telah berkembang dari semasa ke semasa, namun analisis yang menyeluruh terhadap watak wanita daripada komuniti minoriti seperti masyarakat Rawa masih kurang diberikan perhatian. Kebanyakan penyelidikan terdahulu cenderung menumpukan gambaran wanita dalam kerangka budaya Melayu arus perdana yang homogen, tanpa menyelami secara mendalam pengalaman wanita dalam komuniti etnik yang memiliki nilai dan adat tersendiri. Hal ini mewujudkan jurang pengetahuan yang nyata dalam memahami kepelbagaian ekspresi kewanitaan dan cabaran yang dihadapi oleh wanita daripada latar sosiobudaya yang berbeza.

Selain itu, pendekatan teori feminisme dalam kajian sastera Melayu juga masih terhad dan bersifat umum. Banyak kajian feminis masa ini masih bersifat deskriptif dan belum mengaplikasikan kerangka teori feminisme secara menyeluruh, khususnya dari perspektif feminisme liberal dan radikal yang mampu merungkaikan struktur patriarki dan kesannya terhadap agensi wanita. Menurut kajian oleh Rahim dan Idris (2021), wacana feminisme dalam sastera perlu diperluas agar dapat mencabar naratif dominan yang menyekat potensi wanita dalam pembangunan masyarakat.

Sementara itu, stereotaip wanita sebagai makhluk lemah dan emosional masih terus ditampilkan dalam wacana budaya dan sastera, sehingga membatasi penyertaan wanita dalam ruang sosial dan kepimpinan. Kajian oleh Jamil dan Noraini (2022) mendapati bahawa watak wanita dalam karya kontemporari masih terperangkap dalam naratif keterbatasan yang dibentuk oleh sistem patriarki. Hal ini turut menyumbang kepada normalisasi ketidakadilan gender yang tidak lagi seiring dengan arus pemodenan. Lebih membimbangkan, persepsi masyarakat terhadap kedudukan wanita dalam struktur sosial yang bersifat hierarki menghalang golongan ini daripada mencapai potensi sebenar mereka. Kekangan budaya dan kepercayaan tradisi yang mengutamakan lelaki telah menjadikan wanita tidak berdaya saing, bergantung sepenuhnya kepada lelaki, dan kehilangan cita-cita sendiri (Farahiyah & Azwan, 2023).

Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengisi jurang tersebut dengan menganalisis watak dan perwatakan wanita dalam novel *Wanita Rawa Terakhir*, sebuah karya yang menggambarkan wanita dalam konteks adat dan budaya minoriti. Kajian ini akan meneroka bagaimana watak wanita ditampilkan dalam naratif tersebut sama ada sebagai simbol ketundukan terhadap sistem patriarki, atau sebagai agen perubahan yang bangkit menentang kekangan sosial melalui keberanian dan kebijaksanaan mereka. Dengan menggunakan lensa teori feminisme, kajian ini bukan sahaja ingin

mencabar stereotaip tradisional terhadap wanita, tetapi juga menyorot potensi sebenar golongan wanita sebagai individu yang berdikari, kritis dan berani menyuarkan hak mereka dalam masyarakat kontemporari.

SOROTAN LITERATUR

Dalam konteks masyarakat Melayu yang berteraskan sistem patriarki, wanita sering digambarkan sebagai individu yang pasif, lemah, dan kurang berkeupayaan untuk terlibat secara aktif dalam proses membuat keputusan. Sistem patriarki ini menjadi satu penindasan terhadap golongan wanita kerana sistem ini menyokong dan memberikan kuasa sepenuhnya kepada lelaki. Stereotaip yang diwujudkan oleh sistem patriarki telah meletakkan wanita dalam kedudukan yang lebih rendah berbanding dengan lelaki, khususnya dalam struktur sosial dan kekeluargaan. Gina Febriyanti (2022) menyatakan bahawa sistem patriarki ini meletakkan lelaki sebagai penguasa tunggal dalam semua bidang dan mewujudkan hierarki gender, dengan meletakkan kedudukan wanita dalam ‘warga kelas kedua’. Kewujudan kelas sosial ini telah memberikan pengkhususan peranan bagi wanita, di mana mereka hanya terlibat dalam ruang rumah tangga dan tidak boleh campur tangan berkaitan dengan keputusan dalam masyarakat.

Namun begitu, dengan berlakunya peredaran zaman, sistem patriarki ini dilihat tidak lagi relevan terutamanya bagi golongan feminisme. Hal ini dikatakan demikian kerana golongan wanita mula melibatkan diri dalam komuniti dan memegang jawatan yang setara. Perkara ini telah mengubah stereotaip yang ditanamkan terhadap wanita yang menyatakan mereka golongan yang lemah dan tidak berdaya saing. Dalam kajian yang dilakukan oleh Fithriyatus Sholihah (2020) yang bertajuk “Pengaruh Sosiologi Dalam Fiqh Kepimpinan Wanita”, beliau menyatakan bahawa pada era moden ini, wanita tidak lagi lemah dari segi fizikal ataupun akal. Mereka mempunyai kemampuan dan kecerdasan yang setaraf dengan lelaki sehingga mereka berada pada posisi yang sama terutamanya dalam sistem sosial yang kebiasaannya dikuasai oleh lelaki. Walaupun sudah terbukti bahawa wanita mempunyai kemampuan dan keinginan setara dengan lelaki, mereka masih tidak diterima oleh sesetengah masyarakat yang mengamalkan sistem patriarki. Kesalahan kecil yang dilakukan oleh wanita akan diberikan alasan bahawa jantina wanita yang menjadi punca berlaku sesuatu perkara.

Selain itu, karya sastera juga berperanan sebagai wadah penting yang memperlihatkan perwatakan wanita secara lebih realistik dan pelbagai. Dalam banyak karya moden, watak wanita digambarkan sebagai individu yang berani, taat, berdikari, rasional dan berdaya saing. Perwatakan ini secara langsung menolak stereotaip lapuk yang dipengaruhi oleh sistem patriarki, yang sering mengaitkan wanita dengan kelemahan, emosi yang tidak stabil dan ketergantungan terhadap lelaki. Melalui naratif yang ditulis sama ada oleh penulis lelaki mahupun wanita, gambaran wanita yang berdaya tahan dan

berfikiran kritis ini membuka ruang kepada masyarakat untuk membentuk persepsi baharu yang lebih progresif terhadap golongan wanita. Menurut Hamid dan Khairunnisa (2021), watak wanita dalam novel *Bayang Diri* digambarkan sebagai individu yang mampu berfikir secara rasional dan mengambil keputusan yang matang walaupun dalam tekanan emosi yang kuat. Hal ini sekali gus menyangkal stereotaip yang menyatakan wanita bertindak berdasarkan emosi semata-mata. Begitu juga dengan kajian oleh Norhayati dan Salina (2023) yang menganalisis novel *Langit Tak Bertanah*, memperlihatkan watak utama wanita yang melalui pelbagai cabaran hidup termasuk konflik keluarga, kerjaya dan sosial, namun tetap teguh dengan prinsip dan bijak menyusun strategi untuk keluar dari tekanan. Kajian ini menegaskan bahawa ciri-ciri kekuatan psikologi dan kebijaksanaan wanita bukan sahaja dibentuk melalui latar pendidikan, malah juga melalui sistem sokongan sosial yang baik, khususnya peranan ibu dan komuniti wanita sekeliling.

Seterusnya, Muhd Khairini (2024), menyatakan bahawa perwatakan wanita ini terbentuk daripada persekitaran kehidupannya. Dapatan kajian menunjukkan watak yang dikaji mempunyai sikap kesabaran yang tinggi. Sikap kesabaran ini bukanlah sesuatu yang wujud serta merta, namun sikap ini telah diterapkan dalam kalangan wanita bagi membentuk jati diri yang baik. Selain itu, kesusahan keluarga menyebabkan watak utama berusaha untuk membanting tulang demi kelangsungan hidup. Pernyataan ini disokong oleh Hazirah Fadhlin dan Indriaty Ismail (2024), menyatakan penindasan yang berlaku terhadap wanita menyebabkan mereka melibatkan diri dalam kepemimpinan. Penglibatan ini membolehkan kaum wanita mengambil keputusan dan menjadi pemimpin dalam semua bidang yang diceburi oleh lelaki. Jelaslah bahawa persekitaran memainkan peranan terhadap sikap seorang wanita. Persekitaran yang menganggap wanita golongan yang lemah, akan melahirkan wanita yang lemah dan tidak mampu mencapai cita-cita. Walaupun begitu, desakan dalam kehidupan mampu mengubah perilaku seorang wanita untuk menunjukkan sikap yang berani menghadapi segala dugaan.

Kajian terkini dalam kesusasteraan Melayu menunjukkan bahawa perubahan sosial dan pencapaian dalam bidang pendidikan telah membawa kepada representasi wanita yang lebih progresif dan berpengaruh dalam karya sastera moden. Watak-watak wanita kini digambarkan bukan lagi sebagai pasif atau sekadar pelengkap naratif lelaki, tetapi sebagai individu yang aktif, berprinsip, dan menjadi ejen perubahan dalam masyarakat. Sebagai contoh, kajian oleh Jamaliah dan Faridah (2021) terhadap novel *Perempuan Yang Bangkit* memaparkan protagonis wanita yang berani menolak perkahwinan yang ditentukan keluarga, tegas mempertahankan haknya dalam kerjaya, serta gigih memperjuangkan nilai keagamaan dan moral tanpa tunduk kepada tekanan sosial. Kajian ini membuktikan bahawa wanita dalam teks sastera kontemporari telah melangkaui citra lama sebagai individu yang bergantung kepada lelaki. Sementara itu, kajian oleh Syarifah dan Zulkifli (2022) turut menyatakan bahawa kemunculan

watak wanita berpendidikan tinggi dalam novel-novel Melayu moden mencerminkan kebangkitan suara wanita dalam ruang intelektual dan spiritual. Watak-watak ini dilihat sebagai mampu membuat keputusan yang kritikal, memimpin komuniti, serta menjadi model dalam pembentukan nilai masyarakat seimbang.

Namun begitu, dengan adanya sistem patriarki yang telah diamalkan sejak dahulu lagi, masih terdapat segelintir wanita yang mengalami penindasan secara terang-terangan ataupun sembunyi. Oleh sebab itu, gerakan feminisme ini telah dijalankan bagi membanteras setiap penindasan yang berlaku terhadap wanita. Menurut Nur Najwa (2021), wanita mempunyai kebebasan dalam memperjuangkan hak mereka sendiri. Perjuangan itu melibatkan dalam mempertahankan rumah tangga, menyebarkan agama dan memainkan peranan sebagai seorang ibu. Buktinya, watak wanita dalam kajian yang dilakukan ini menunjukkan keberanian dalam menyelamatkan suaminya. Walaupun masyarakat sering kali merendahkan golongan wanita dan menyatakan wanita hanya layak duduk di dapur sahaja, situasi ini tidak menggoyahkan semangat watak utama dalam meneruskan perjuangannya.

Seterusnya, pandangan stereotaip terhadap wanita dalam masyarakat tradisional telah lama dipersoalkan, terutama oleh pengarang wanita dalam kesusasteraan moden. Norhayati Ab. Rahman (2020) melalui kajiannya, *Imej Wanita Korporat dalam Teks Kesusasteraan Melayu Moden Malaysia: Daripada Lensa Pengarang Wanita*, memperkenalkan watak-watak wanita yang berdaya saing dalam dunia korporat, sekali gus mencabar gambaran lama yang mengekalkan wanita dalam ruang domestik semata-mata. Karya ini menggambarkan wanita sebagai individu yang mampu berdikari, memimpin, dan bersaing dalam sektor profesional yang dahulunya didominasi oleh lelaki. Transformasi ini menunjukkan bahawa wanita kini dilihat bukan sahaja sebagai individu yang bergantung pada lelaki, tetapi juga sebagai agen perubahan yang dapat mengawal hala tuju hidup mereka sendiri dalam masyarakat yang lebih luas. Azizah Hamzah (2021) pula menekankan bahawa wanita dalam sastera moden semakin berusaha menentang autoriti lelaki melalui tindakan simbolik seperti penolakan terhadap perkahwinan yang dipaksa dan ketidakadilan dalam struktur kekeluargaan, yang turut menggambarkan perjuangan mereka dalam melawan tekanan patriarki.

Secara umumnya, kajian literatur menunjukkan bahawa karya sastera telah memainkan peranan penting dalam menampilkan perwatakan wanita yang progresif dan bertentangan dengan stereotaip tradisional sistem patriarki. Watak-watak wanita dalam novel moden tidak lagi digambarkan sebagai individu yang lemah, emosional dan bergantung kepada lelaki, sebaliknya ditampilkan sebagai tokoh yang rasional, berani, berdikari dan berprinsip. Dapatan kajian oleh Hamid dan Khairunnisa (2021), Norhayati dan Salina (2023), serta Muhd Khairini (2024) memperlihatkan wanita yang mampu mengambil keputusan bijak dalam tekanan hidup dan menunjukkan ketabahan serta kesabaran tinggi

hasil pembentukan jati diri melalui pengalaman hidup dan persekitaran. Kajian oleh Hazirah Fadhlina dan Indriaty Ismail (2024) pula menekankan bagaimana penindasan yang berlaku telah menjadi pencetus kepada penglibatan wanita dalam kepimpinan dan ruang sosial, menjadikan mereka lebih aktif dalam menentukan arah hidup.

Seterusnya, kajian oleh Jamaliah dan Faridah (2021), serta Syarifah dan Zulkifli (2022), turut menekankan transformasi wanita dalam teks sastera sebagai individu berpendidikan, berdikari, dan aktif menyuarakan pendapat. Hal ini selari dengan pandangan Nur Najwa (2021) yang menyatakan bahawa wanita kini mempunyai kebebasan untuk memperjuangkan hak mereka sendiri, baik dalam konteks rumah tangga mahupun sosial. Kajian oleh Norhayati Ab. Rahman (2020) dan Azizah Hamzah (2021) pula menunjukkan bagaimana penulis wanita telah membina watak wanita sebagai agen perubahan yang menolak sistem patriarki melalui simbolisme tindakan, seperti penolakan perkahwinan paksa atau penglibatan dalam sektor profesional. Justeru, melalui teori feminisme yang diaplikasikan dalam pelbagai kajian, sorotan literatur secara jelas menunjukkan bahawa wanita dalam sastera moden bukan sahaja berupaya melawan stereotaip patriarki, tetapi juga membuktikan bahawa mereka memiliki kekuatan intelektual, emosi, dan sosial yang setanding dengan lelaki. Hal ini memberikan keyakinan bahawa wanita mampu bebas daripada penindasan budaya dan mengubah persepsi masyarakat terhadap gender secara menyeluruh.

METODOLOGI

Kajian ini telah menggunakan pendekatan kualitatif iaitu menggunakan kaedah analisis teks dan kaedah kepustakaan bagi mencapai objektif kajian. Kedua-dua objektif telah menggunakan kaedah yang sama bagi mengenal pasti nilai-nilai positif yang terdapat dalam watak dan perwatakan wanita dalam novel *Wanita Rawa Terakhir* dan juga menganalisis perwatakan wanita berdasarkan lensa teori George Ritzer (1996).

Kaedah kepustakaan merupakan salah satu kaedah penting dalam penyelidikan kualitatif yang melibatkan pengumpulan, pemilihan dan penilaian terhadap bahan-bahan ilmiah yang relevan dengan tajuk kajian. Melalui kaedah ini, penyelidik dapat membina latar belakang teori, mengenal pasti dapatan kajian lepas, serta menilai hujah-hujah yang telah dikemukakan oleh para sarjana terdahulu dalam bidang yang sama. Dalam konteks kajian ini yang bertajuk "*Analisis Feminisme terhadap Perwatakan Wanita dalam Novel Wanita Rawa Terakhir*", kaedah kepustakaan digunakan untuk mengumpulkan maklumat berkaitan dengan teori feminisme, khususnya pandangan yang dikemukakan oleh George Ritzer (1996) yang menjadi asas kepada kerangka teori kajian ini. Selain itu, kaedah ini turut digunakan untuk mengenal pasti perbincangan sedia ada berkaitan feminisme liberal, radikal,

sosialis dan pascamoden yang diaplikasikan dalam memahami perwatakan wanita dalam teks sastra Melayu.

Seterusnya ialah analisis teks. Menurut Zainal dan Khalid (2021), analisis teks membolehkan penyelidik menyahkod makna yang tersembunyi di sebalik struktur wacana, gaya bahasa, dan simbolik dalam teks melalui pembacaan yang kritikal dan reflektif. Dalam konteks kajian ini, analisis teks digunakan untuk mengenal pasti dan meneliti perwatakan wanita dalam novel *Wanita Rawa Terakhir*, khususnya dalam memahami dinamika kuasa gender dan kesan struktur patriarki terhadap identiti wanita. Menurut Faridah dan Nasaruddin (2022), pendekatan ini juga membolehkan penyelidik meneliti bagaimana nilai budaya, norma sosial, dan ideologi yang tersirat dalam teks memberi kesan terhadap pembentukan makna. Justeru, kaedah ini bukan sahaja bersifat deskriptif, malah bersifat interpretatif dan kritikal.

Dalam kajian ini, analisis teks dijalankan dengan berasaskan lensa teori feminisme seperti yang diuraikan oleh George Ritzer, dengan memberi tumpuan kepada pelbagai aspek termasuk struktur kuasa, bentuk penindasan, dan agensi wanita dalam naratif. Hal ini turut disokong oleh dapatan Siti Hajar dan Rahmah (2023) yang menegaskan bahawa teks sastra bukan sekadar medium hiburan, tetapi merupakan tapak ideologi yang mencerminkan dan mengkritik struktur masyarakat. Secara keseluruhannya, kaedah ini membantu penyelidik untuk mengenal pasti naratif yang memartabatkan suara wanita, membongkar dominasi patriarki, dan menilai sejauh mana karya sastra berupaya mencabar stereotaip gender yang telah lama tertanam dalam masyarakat.

PENDEKATAN TEORI FEMINISME OLEH GEORGE RITZER (1996)

Dalam karya *Sociological Theory*, George Ritzer (1996) telah mengklarifikasikan feminisme kepada empat aliran utama, iaitu feminisme liberal, feminisme radikal, feminisme sosialis dan feminisme pascamoden. Aliran pertama ialah feminisme liberal. Feminisme liberal menekankan prinsip kesamarataan hak antara lelaki dan wanita dalam pelbagai bidang seperti sosial, politik, dan ekonomi. Aliran ini percaya bahawa wanita mempunyai keupayaan yang sama seperti lelaki dan wajar diberikan peluang yang setara untuk terlibat dalam struktur masyarakat. Objektif utama feminisme liberal adalah untuk memperbaiki sistem sosial sedia ada, bukan merombaknya secara menyeluruh, tetapi memastikan wanita mendapat akses yang adil dalam pendidikan, pekerjaan, dan kepimpinan (Rahim & Idris, 2021). Dalam konteks kajian ini, pengkaji telah mengaplikasikan feminisme liberal untuk meneliti bagaimana watak-watak wanita dalam novel *Wanita Rawa Terakhir* digambarkan sebagai individu yang mempunyai kesedaran terhadap hak-hak mereka. Melalui feminisme liberal ini juga,

kajian akan meneliti setiap watak wanita yang menolak stereotaip sebagai “wanita lemah” atau “wanita yang bergantung kepada lelaki”.

Aliran kedua ialah feminisme radikal. Feminisme radikal menganggap penindasan terhadap wanita berpunca daripada sistem patriarki yang telah berakar sejak sekian lama. Menurut aliran ini, patriarki merupakan struktur yang mengawal seluruh aspek kehidupan wanita dari ruang peribadi hingga ke institusi sosial dan oleh itu perlu dihapuskan sepenuhnya untuk mencapai kebebasan sebenar (Farahiyah & Azwan, 2023). Dalam kajian ini, feminisme radikal digunakan untuk mengenal pasti bentuk-bentuk penindasan dan dominasi patriarki yang berlaku dalam novel. Penindasan ini dizahirkan melalui kawalan adat, pengaruh suami, serta tekanan masyarakat terhadap wanita. Watak-watak wanita dalam novel diteliti berdasarkan bagaimana mereka mendepani kekangan budaya dan bagaimana mereka mencabar struktur patriarki yang menindas.

Seterusnya ialah feminisme sosialis. Menurut Ritzer (1996) dan disokong oleh Nabila dan Hafiz (2022), feminisme sosialis berpendapat bahawa penindasan terhadap wanita tidak hanya berpunca daripada patriarki, tetapi juga daripada sistem ekonomi kapitalis. Kedua-dua sistem ini saling memperkukuh dan mengeksploitasi wanita, terutamanya dalam bentuk tenaga kerja murah yang tidak diiktiraf. Dalam konteks kajian ini, pendekatan ini digunakan untuk meneliti ketidakseimbangan ekonomi dan sosial yang dialami oleh watak-watak wanita. Contohnya, wanita yang bergantung sepenuhnya kepada suami atau keluarga untuk meneruskan kehidupan mencerminkan struktur masyarakat yang tidak memberikan akses ekonomi setara kepada wanita. Akhir sekali feminisme pascamoden. Feminisme pascamoden menolak pandangan universal terhadap pengalaman wanita. Aliran ini menegaskan bahawa identiti wanita adalah bersifat kompleks, berlapis, dan dibentuk oleh konteks seperti budaya, kelas, etnik, serta pengalaman peribadi (Siti Aminah & Rosnani, 2024). Oleh itu, wanita tidak boleh dilihat sebagai satu kumpulan homogen, sebaliknya harus difahami berdasarkan naratif masing-masing. Dalam kajian ini, pendekatan pascamoden digunakan untuk menilai bagaimana watak-watak wanita dalam novel *Wanita Rawa Terakhir* membina identiti masing-masing dalam kerangka budaya dan adat tempatan. Kajian ini meneliti bagaimana pengalaman peribadi mereka memberikan dimensi baharu kepada naratif kewanitaan, terutama dalam konteks wanita Melayu.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dalam kajian ini, dapatan menunjukkan nilai-nilai positif yang terdapat dalam watak-watak dan perwatakan wanita yang digambarkan dalam novel *Wanita Rawa Terakhir*. Antara watak yang telah dikenal pasti yang menonjolkan perwatakan yang seiring dengan teori feminisme ialah, watak Cempaka, Tupin Aishah dan beberapa orang watak sampingan seperti Mak Usu iaitu ibu saudara

Cempaka. Penulisan yang berkisahakan sejarah wanita Rawa terakhir ini memfokuskan sikap peribadi dan perjuangan seorang wanita bagi mengharungi cabaran hidup mereka. Kesemua sikap ini dianalisis berdasarkan pendekatan teori Feminisme oleh George Ritzer (1996).

Feminisme Liberal dalam Wanita Rawa Terakhir

Watak-watak wanita dalam novel *Wanita Rawa Terakhir* melambangkan prinsip-prinsip feminisme liberal yang menuntut hak kesamarataan, kebebasan individu, dan autonomi dalam mengambil keputusan. Watak Cempaka, seorang sarjana yang bertekad tinggi, mencerminkan aspek feminisme liberal melalui kebebasannya dalam memilih kerjaya yang mencabar dan keazaman untuk mencapai matlamat akademik tanpa tunduk kepada norma patriarki. Tindakannya ini menunjukkan wanita berhak memiliki peluang yang setara dengan lelaki dalam bidang profesional. Walaupun Cempaka berpegang teguh pada prinsip agama (dilema bersalaman), ini disajikan sebagai manifestasi kebebasan moral untuk membuat pilihan peribadi berdasarkan nilai yang diyakini, yang juga merupakan tunjang feminisme liberal. Selain itu, watak wanita Rawa yang berusia 45 tahun yang aktif bersosial dan berkeyakinan memecahkan stereotaip wanita tua yang pasif, menyokong penolakan feminisme liberal terhadap diskriminasi berasaskan usia dan gender. Akhir sekali, pengiktirafan terhadap kecerdasan dan keberanian wanita Rawa yang berhijrah menggarisbawahi bahawa wanita adalah individu yang rasional, berdikari, dan merupakan agen perubahan yang penting dalam sejarah masyarakat, selari dengan perjuangan feminisme liberal untuk mengangkat martabat wanita secara menyeluruh.

Feminisme Pascamoden dalam Wanita Rawa Terakhir

Prinsip feminisme pascamoden dalam novel *Wanita Rawa Terakhir* diungkapkan melalui perwatakan wanita yang menekankan kepelbagaian identiti, penolakan terhadap naratif tunggal, dan sintesis nilai agama serta moden. Dilema Cempaka mengenai larangan bersalaman menggambarkan autonomi intelektual wanita Muslim untuk mentafsir dan merundingkan sempadan agama secara peribadi, bukannya menerima norma secara kaku. Watak Tupin Aishah dan Wan Munah menentang stereotaip Barat yang melabel wanita Islam sebagai terperangkap, sebaliknya menunjukkan mereka adalah agen perubahan progresif yang mendahului zaman dengan membina model feminisme mereka yang autentik. Usaha Cempaka membetulkan mitos graviti Newton dan mengaitkannya dengan ilham Ilahi pula mencerminkan dekonstruksi naratif dominan saintifik, memberi kuasa kepada wanita untuk mengkritik ilmu dan membentuk pemahaman yang holistik. Paling ketara, penolakan Tupin terhadap perkahwinan sebagai penentu identiti wanita secara terang-terangan menolak idea tunggal tentang kesempurnaan

wanita, mengesahkan hak wanita untuk membentuk identiti mereka secara dinamik dan bebas berdasarkan pilihan peribadi. Kesemua gambaran ini menggariskan peranan wanita sebagai individu yang aktif membentuk semula diri mereka di persimpangan pelbagai nilai, selaras dengan tuntutan feminisme pascamoden.

Feminisme Radikal dalam *Wanita Rawa Terakhir*

Feminisme radikal menumpukan kepada usaha membongkar akar patriarki dan kuasa lelaki yang mengawal struktur sosial, menekankan pembebasan wanita sepenuhnya daripada pengaruh dominasi lelaki dalam institusi seperti perkahwinan, keluarga, dan masyarakat. Dalam novel *Wanita Rawa Terakhir*, prinsip ini diwujudkan melalui watak Tupin Aishah yang menunjukkan penolakan terhadap kuasa lelaki dalam perkahwinan. Tindakan beliau berkahwin silih berganti memperlihatkan keengganan menjadikan status isteri sebagai identiti mutlak yang mengikat, sekali gus mencabar kebergantungan emosi dan ekonomi kepada suami. Tindakan Tupin melarikan diri dari perkahwinan yang diatur demi pilihan hatinya sendiri merupakan bentuk pemberontakan yang signifikan terhadap kawalan keluarga patriarki, menegaskan hak sendiri wanita ke atas kehidupan mereka. Selain itu, watak Maimunah pula memaparkan penolakan halus tetapi berkesan terhadap eksploitasi wanita dalam sistem pascakolonial yang mengekalkan elemen patriarki, iaitu kesedaran Maimunah bahawa dia tahu "siapa sebenarnya yang paling berkuasa di rumah" mencerminkan satu peralihan kuasa yang senyap dalam ruang domestik. Kesemua petikan ini menggariskan asas perjuangan feminisme radikal, iaitu keupayaan wanita untuk mengenal pasti penindasan ideologi dan sistemik serta keberanian untuk menolak dominasi lelaki dalam apa-apa jua bentuk institusi sosial.

Feminisme Sosialis dalam *Wanita Rawa Terakhir*

Feminisme sosialis menggabungkan perjuangan menentang patriarki dan kapitalisme yang menindas wanita, dengan memberikan tumpuan kepada aspek kelas, ekonomi dan peranan gender, serta menganggap bahawa konstruksi sosial merupakan punca utama berlakunya ketidakadilan dalam kalangan wanita. Dalam novel *Wanita Rawa Terakhir*, beberapa watak wanita mengalami penindasan akibat tekanan ekonomi, yang menyebabkan mereka dikahwinkan atau terpaksa mengorbankan impian, justeru menonjolkan prinsip feminisme sosialis. Keruntuhan rumah tangga Tupin Aishah yang memaksanya merantau dari Perak ke Pahang menunjukkan beban sosial dan ketidakstabilan ekonomi yang ditanggung wanita apabila sistem gagal memberi sokongan. Petikan mengenai keluarga Tupin

yang mengahwinkannya dengan pemuda tidak dikenali demi mengeluarkan diri daripada kesempitan hidup, serta nasib Siti Ain dan Maimunah. Kedua-duanya pelajar pintar yang terpaksa menamatkan pelajaran awal untuk berkahwin muda dengan lelaki kaya, memperlihatkan bagaimana wanita dijadikan alat atau cagaran ekonomi untuk mengatasi kemiskinan dan memastikan kelangsungan keluarga. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa penindasan yang dialami wanita bukan sahaja berpunca daripada patriarki, tetapi juga daripada ketidakadilan dan ketaksamaan dalam sistem kelas dan ekonomi yang menghalang wanita daripada merealisasikan potensi diri melalui pendidikan dan kebebasan memilih.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini berjaya memenuhi kedua-dua objektif yang telah ditetapkan, iaitu pertama, mengenal pasti nilai-nilai positif yang terdapat dalam watak dan perwatakan wanita dalam novel *Wanita Rawa Terakhir*, dan kedua, menganalisis perwatakan tersebut berdasarkan teori feminisme seperti yang diuraikan oleh George Ritzer (1996). Melalui analisis kandungan terhadap teks novel, kajian ini telah menemukan pelbagai jenis watak wanita yang kompleks dan pelbagai dari segi latar, pegangan serta tindakan yang diambil dalam menghadapi cabaran hidup. Kajian mendapati bahawa watak-watak wanita dalam novel ini tidak digambarkan sebagai lemah atau pasif, sebaliknya mereka memainkan peranan penting sebagai ejen perubahan yang menolak norma patriarki dan memperjuangkan hak serta kebebasan diri mereka dalam konteks sosial, budaya dan psikologi yang mencabar.

RUJUKAN

- Amira, A., & Rahim, Mohd. (2020). Feminisme liberal dan radikal: Satu analisis terhadap wacana kesamarataan dalam teks naratif. *Jurnal Sosiologi Malaysia*, 38(2), 102–117.
- Ariffin, Siti Mariam, & Zaharah, Mohd Khairuddin. (2023). Peranan wanita dalam struktur sosial patriarki: Analisis budaya dan wacana kontemporari. *Jurnal Gender dan Budaya*, 11(1), 45–60.
- Azizah Hamzah. (2021). Wanita dalam sastera moden: Melawan patriarki melalui tindakan simbolik. *Jurnal Sosiologi Melayu*, 30(1), 45–60.
- Farahiyah, Mohd Zulkifli, & Azwan, Mohd Nasir. (2023). Patriarki dan penindasan gender: Kajian dari perspektif sastera. *Jurnal Wacana Gender*, 11(2), 45–61.

- Faridah, Abdul Rahman, & Rania, Haji Mohd. (2023). Wanita sebagai agen perubahan dalam sastera kontemporari Melayu. *Jurnal Sastera dan Feminisme*, 12(1), 34–50.
- Fithriyatul Sholihah. (2020). Pengaruh sosiologi dalam fiqh kepemimpinan wanita. *Jurnal Hadratul Madaniyah*, 7(2), 31–41. Universitas Islam Negeri Walisongo Semarang.
- Gina Febriyanti. (2022). *Ketidakadilan gender akibat stereotip pada sistem patriarki*. Tesis Sarjana Muda, Universitas Padjadjaran.
- Hamid, Nur Azimah, & Khairunnisa, Mohd Faizal. (2021). Perwatakan wanita dalam novel Bayang Diri: Cabaran dan kekuatan emosi. *Jurnal Sastera dan Masyarakat*, 10(2), 56–70.
- Hasan, Rahmat, & Siti Nor Farah, Mohd Rashid. (2023). Reformasi watak wanita dalam kesusasteraan pasca-moderni: Tinjauan ke atas komuniti minoriti. *Jurnal Persuratan Melayu*, 15(1), 78–91.
- Hazirah Fadhlina, Md Hussain, & Indriaty, Ismail. (2024). *Hak kepimpinan wanita menurut pemikiran feminis dan implikasinya terhadap penglibatan politik wanita di Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jamaliah, Mohd Razali, & Faridah, Hassan. (2021). Wanita dan agensi dalam novel Perempuan Yang Bangkit: Analisis naratif dan ideologi. *Jurnal Sastera Kontemporari*, 9(2), 33–49.
- Jamil, Nor Azlina, & Noraini, Hussin. (2022). Gambaran watak wanita dalam novel kontemporari: Satu pembacaan feminis. *Jurnal Kritikan Sastera*, 8(2), 88–104.
- Luthfia Rahma Halizah, & Ergina, Faralita. (2023). Budaya patriarki dan kesetaraan gender. *Wasaka: Jurnal Sosial dan Humaniora*, 4(1), 1–12.
- Mohd Rashid, Norliza, Yusoff, Mohamad Azhar, & Ibrahim, Siti. (2022). Women in Malay literature: Re-examining patriarchy and gender roles. *Journal of Southeast Asian Studies*, 27(3), 112–125.
- Muhd Khairani. (2024). Analisis perwatakan wanita dalam novel Badai Semalam karya Khadijah Hashim menurut perspektif feminisme. *Tesis Sarjana Muda*, Universiti Malaysia Kelantan.
- Nabila, Rosli Amira, & Hafiz, Rahmat Mohd. (2022). Feminisme sosialis dan eksploitasi wanita dalam struktur ekonomi. *Jurnal Sastera Moden*, 9(2), 70–85.
- Nabila, Rosli Amira, & Hafiz, Rahmat Mohd. (2022). Wanita dalam sastera Melayu kontemporari: Suara, cabaran dan agensi. *Jurnal Sastera Moden*, 9(2), 70–85.

- Nadiah, Ahmad Muzani, & Syarifah, Raja Hanim. (2023). Adat dan patriarki dalam masyarakat Melayu: Antara warisan dan penindasan. *Jurnal Gender dan Tradisi*, 12(2), 90–105.
- Nor Faridah Abdul Manaf. (2022). *Wanita Rawa Terakhir*. Silverish Books.
- Norhayati Ab. Rahman. (2020). Imej wanita korporat dalam teks kesusasteraan Melayu moden Malaysia: Daripada lensa pengarang wanita. *Jurnal Pengajian Melayu*, 31(1), 154–173.
- Norhayati, Mohd Radzi, & Salina, Yusof. (2023). Wanita dan agensi dalam novel Langit Tak Bertanah: Analisis feminisme kontemporari. *Jurnal Pemikiran Wanita*, 12(1), 44–59.
- Nur Najwa. (2021). *Analisis perjuangan wanita dalam Suair Zubaidah dengan mengaplikasikan teori feminisme*. Universiti Malaysia Kelantan.
- Nurul Huda, Shamsuddin, & Yasmin, Mohamad. (2021). Konstruksi identiti wanita dalam masyarakat moden: Antara biologi dan peranan budaya. *Jurnal Kajian Wanita*, 13(3), 98–112.
- Rahim, Ahmad, & Idris, Shahrul Hisham. (2021). Pendekatan feminisme dalam kesusasteraan Melayu: Menelusuri cabaran dan potensi. *Jurnal Pemikiran Sastera*, 10(3), 35–50.
- Ritzer, George. (1996). *Sociological theory* (4th ed.). McGraw-Hill.
- Saripah, Mohd Isa, & Johari, Ahmad. (2022). Kerangka teori feminisme dalam wacana sastera Malaysia. *Jurnal Wacana Gender dan Budaya*, 9(2), 60–74.
- Siti Aminah, Abdul Rahim, & Rosnani, Mohd Hashim. (2024). Feminisme pascamoden dan pelbagai naratif wanita dalam sastera. *Jurnal Naratif Wanita*, 13(1), 22–38.
- Siti Aminah, Abdul Rahim. (2022). Ketidaksamarataan gender dalam konteks patriarki moden: Satu analisis kritikal. *Jurnal Kajian Wanita Kontemporari*, 14(3), 58–72.
- Syarifah, Mohd Zulkifli, & Zulkifli, Abdul Rahman. (2022). Perwatakan wanita berpendidikan dalam sastera Melayu moden: Satu tinjauan pemikiran. *Jurnal Wacana Wanita*, 10(1), 61–77.
- Zainal, Noraini, & Fauziah, Harun. (2021). Kesedaran feminisme dalam sastera Melayu moden: Analisis watak wanita dalam novel kontemporari. *Jurnal Sastera dan Gender*, 10(2), 55–67.